

Bantu makmurkan peniaga wanita di rumah

BERITA HARIAN

Selasa, 12 Februari 2013

TINJAUAN yang dijalankan Usahawan Dinamik Wanita Antarabangsa Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Singapura (Dewi@DPPMS) ke atas 100 peniaga wanita daripada rumah mendedahkan beberapa perkara menarik. Pertama, kebanyakan perniagaan itu tertumpu pada bidang makanan dan minuman (F&B). Kedua, hampir kesemua responden tiada syarikat berdaftar. Ket

ga, mereka melakukannya bukan kerana suka-suka tetapi demi menambah pendapatan keluarga. Keempat, kebanyakan mereka enggan terlalu bergantung pada bantuan sosial. Kelima, kebanyakannya peniaga kecil-kecilan – meraih penjualan \$50 hingga \$500 sebulan.

Kesimpulannya, tinjauan itu menunjukkan segolongan wanita yang ingin berdikari dan melakukannya dengan kemampuan yang ada – sungguhpun daripada rumah sendiri. Semangat sedemikian wajar diberi pujian, malah galakan dan sokongan. Malah, ia menepati seruan pemerintah agar lebih ramai wanita memasuki alam pekerjaan dan wawasan negara agar setiap warganya berdaya hasil selaku

sumber semula jadi negara.

Mentelah dengan bekerja di rumah, wanita sedemikian bukan saja dapat membantu pendapatan keluarga, bahkan berupaya mengasuh anak agar tidak terbiar. Lantaran itulah, pihak berkuasa wajar menyediakan atau mempertingkatkan prasarana sokongan, dan sebaliknya menghapuskan sebarang halangan yang membantutkan perkembangan yang memberangsangkan itu.

Misalnya, syarat adanya dapur pusat bagi niaga menyediakan masakan tidak praktikal kerana terlalu mahal berbanding skala niaga yang kecil-kecil sahaja. Pun larangan memasarkan produk dan khidmat makanan menerusi

media sosial tidak munasabah memandangkan ia satu wadah yang murah dan mudah.

Dewi harus dipuji kerana memperjuangkan hak golongan peniaga wanita itu. Malah, usul bantuan pernah diutarakan kepada Parlimen melalui Speaker Parlimen, Cik Halimah Yacob. Lain-lain badan juga boleh menghulurkan tangan membantu – sebagaimana dilakukan Angkatan Karyawan Islam (AMP) melalui Program Perniagaan Mikronya. Namun, boleh dipertimbangkan juga penggemblengan peniaga sedemikian – atau pembentukan satu rangkaian perniagaan – agar usaha niaga mereka lebih terselaraskan, berbaloi dan menguntungkan.